



**KENYATAAN TENDER**  
**NO. TAWARAN: KADA(P)T8/2020**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G4 di bawah Kategori, Pengkhususan CE21 & M15 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF RANGKAIAN TALIAIR S5S DAN SISTEM BEKALAN AIR KITAR SEMULA DI BENDANG TOK AJAM SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN KADA JAJAHAN PASIR PUTEH, PASIR PUTEH, KELANTAN.**

2. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas dikehendaki berkumpul di Auditorium, Ibu Pejabat KADA, Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu, Kelantan, pada **Jam 09.30 pagi, 22/06/2020 (Isnin)** untuk pendaftaran & taklimat.  
*Taklimat Tapak adalah TIDAK diwajibkan.*
3. Dokumen Meja Tender akan dipamirkan di Pejabat Bahagian Kejuruteraan Awam, KADA pada waktu pejabat mulai **22/06/2020.**
4. Satu set Dokumen Tender berharga **RM150.00**(Ringgit M'sia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) yang tidak akan dikembalikan, boleh dibeli di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA mulai dari **23/06/2020 hingga 30/06/2020.** Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos atau Wang Tunai. Draf Bank/Wang Pos dibuat di atas nama Pengurus Besar KADA.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang telah menghadiri taklimat dan membuat lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra dan *satu salinan* bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri serta ditulis No. Tender KADA(P)T8/2020 kepada Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu, Kelantan dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan, KADA pada atau sebelum **Jam 12.00 tengahari 14/07/2020(Rabu)**  
Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu  
Kelantan.

Bertarikh : 14 Mei 2020.